

# UMSKAL sedia bantu murid SK Lubok Temiang

UB 30.4.2013 A7



**RYAN (tengah) dan Abdul Rizal (kanan) bersama murid Tahun Enam SK Lubok Temiang yang mengikuti program itu.**

**LABUAN:** Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan membantu murid Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang (SKLT) meningkatkan prestasi akademik mereka.

Timbalan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Ryan Macdonell Andrias berkata pelbagai program yang dianjurkan universiti boleh disertai murid SKLT termasuk program

motivasi.

Katanya, mahasiswa dan pensyarah UMSKAL sedia meluangkan masa untuk membantu meningkatkan prestasi pendidikan murid dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada setiap tahun.

Malah katanya, pihak universiti juga akan membantu guru meningkatkan pengetahuan dalam bidang komunikasi teknologi maklumat (ICT) dalam pembelajaran dan pengajaran.

"UMSKAL sedia membantu meningkatkan prestasi akademik murid dan guru SK Lubok

Temiang sesuai dengan hasrat untuk mendekatkan universiti dengan masyarakat setempat," katanya.

Ryan yang mewakili Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) UMS, Prof Madya Dr Rahman Nordin berkata demikian pada majlis penutupan program Tingkatkan Momentum Kejayaan di SK Lubok Temiang, baru-baru ini.

Program anjuran Interaksi Institusi dan Masyarakat (Interim) UMSKAL itu disertai 61 murid Tahun Enam yang akan menduduki UPSR pada 10 hingga 12 September tahun ini.

Turut hadir Guru Besar SK

Lubok Temiang, Abdul Rizal Abdul Rahim, Penyelaras Program, Bolhasney Borhanordin dan Pengarah Program, Chonlanee A/P La Teng.

Ryan berharap murid Tahun Enam akan meningkatkan usaha mereka dalam tempoh empat bulan akan datang agar hasrat memperolehi keputusan 5A akan tercapai seperti mana yang diimpikan ibu bapa dan guru-guru.

Sementara itu, Abdul Rizal mengucapkan terimakasih atas usaha UMSKAL mengadakan program tersebut dan berharap kejayaan dan kecemerlangan akan diperolehi oleh murid SK Lubok Temiang.